



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/10/25/0863 ( 18 )  
Tarikh : 19 Disember 2025

**FARLIM GROUP (MALAYSIA) BERHAD**

1, Lintang Angsana,  
Bandar Baru Ayer Item,  
11500 Ayer Itam,  
Pulau Pinang.  
(u.p : Chew Kwong Weng)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN CADANGAN BEKALAN ELEKTRIK DI ATAS LOT 33171 LOT 33210, LOT 33267 LOT 33279, MUKIM BIDOR, DAERAH BATANG PADANG, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN FARLIM GROUP (MALAYSIA) BHD.**

**PERKARA PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Tapah dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 11,880.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Daerah Tapah.
ii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 5,940.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama Wang Deposit Majlis Daerah Tapah.
iii.	Salinan permit korekan yang dikeluarkan hendaklah sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak MDT.
iv.	Semua kerja-kerja permotongan jalan hendaklah menggunakan <i>diamond cutter</i> sebelum mengorek jalan.
v.	Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja dilaksanakan yang berkaitan seperti bebendul, pondok bas, longkang, <i>scupper drains</i> , bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.
vi.	Pihak utiliti perlu bertanggungjawab ke atas apa jua kos yang terlibat bagi sebarang kerja-kerja pengalihan kelak. Jika melibatkan jalan yang baru diturap, pemohon perlu menurap semula keseluruhan jalan dengan sempurna.
vii.	Mengadakan papan tanda sementara bagi tunjuk arah, dinding sesendeng, pengawal lalu lintas, lampu-lampu kecemasan, lampu malam dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi mengelakkan kemalangan.
viii.	Korekan bahu jalan hendaklah diaraskan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat-rapat (closed turfing)
ix.	Tidak dibenarkan menebang atau merosakkan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/10/25/0863 (18)  
Tarikh : 19 Disember 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN CADANGAN BEKALAN ELEKTRIK DI ATAS LOT 33171 LOT 33210, LOT 33267 LOT 33279, MUKIM BIDOR, DAERAH BATANG PADANG, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN FARLIM GROUP (MALAYSIA) BHD.**  
**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Daerah Tapah serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Tapah seperti di lampiran.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nor Ain Natasya Binti Nor Azam** di talian **017-4436455** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri  
**Koridor Utiliti Darul Ridzuan**

OSA/10122025/Wah/Natasya

Salinan kepada:

- 1. YANG DIPERTUA,**  
Majlis Daerah Tapah  
Jalan Stesyen,  
35000 Tapah,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p.: Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan)

